

Dr M akui sudah lama kenal Vincent Tan

DARI MUKA 1

selepas semua ini (tarikh rakanan)."

Leong: Bolehkah Tun ingat sama ada Tun Dzaiddin (Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah) menyebut mengenai cadangan pelantikan enam hakim ke peringkat Mahkamah Rayuani dalam tempoh itu (rakaman dibuat pada 20 Disember 2001).

Dr Mahathir: Saya tidak ingat.

Leong: Enam nama yang disebut itu memang dilantik Hakim Mahkamah Rayuan pada Jun 2002, iaitu enam bulan selepas perbualan ini dirakam. Setuju tempoh pencalonan dan pelantikan hakim akan mengambil kira-kira tiga atau empat bulan?

Dr Mahathir: Setuju.

Leong: Jadi, sekali lagi nampaknya orang yang dirakam ini mempunyai maklumat yang sepatutnya hanya diketahui Tun dan Ketua Hakim Negara?

Dr Mahathir: Nampaknya begitu.

Leong: Tun tidak tahu bagaimana perkara itu boleh terjadi?

Dr Mahathir: Saya tidak tahu.

Terdahulu, Dr Mahathir mengaku beliau dan Vincent Tan adalah sahabat kerana sudah lama mengenali.

Dalam keterangannya pada awal pro-

siding, Dr Mahathir memberitahu Suruhajaya Diraja bahawa beliau mempunyai kuasa mutlak memutuskan pelantikan hakim dan hakim kanan ketika memegang jawatan Perdana Menteri, tanpa dipengaruhi sesiapa.

Beliau bagaimanapun mengakui perlu mengambil kira pandangan dan percakapan orang berhubung calon yang dinamakan untuk jawatan itu termasuk dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis bagi memastikan calon yang dipilihnya tepat, tetapi menegaskan keputusan akhir tetap di tangannya.

"Biasanya saya kena dengar cakap orang. Walaupun saya tidak minta pandangan mereka tapi dalam perbualan dan perjumpaan sosial ada orang bercakap dan saya ambil kira.

"Saya tidak dipengaruhi secara khusus tetapi seperti saya katakan tadi, saya memang mendengar pandangan secara tidak rasmi dalam perbualan saya sama ada ketika majlis sosial dan saya ambil kira pandangan ini tapi keputusan akhir saya yang buat.

"Selalunya saya tidak memberi sebarang penjelasan untuk keputusan saya, walaupun kepada Ketua Hakim Negara.

"Saya juga mengambil pandangan termasuk daripada orang yang sudah bersara, yang mungkin lebih kenal

calon berkenaan, malah ada kalanya saya bertanya jika perlu," katanya yang memberi keterangan sebagai saksi kelapan prosiding inkuiri itu.

Ketika disoal Leong sama ada beliau ingat sumbernya bagi maklumat mengenai calon hakim, sehingga mampu menyangkal pandangan Ketua Hakim Negara yang lebih arif mengenai kualiti dan peribadi hakim lain, Dr Mahathir memberikan jawapan sama.

Ditanya sama ada Vincent Tan adalah contoh 'maklumat' itu, Dr Mahathir menjawab: "mungkin".

Selain itu, Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai keputusannya menyingkirkan nama dua peguam, Dr Andrew Chew dan Zainudin Ismail, yang dicalonkan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi oleh Mohamed Dzaiddin.

(Mengikut keterangan sebelum ini, Mohamed Dzaiddin mencadangkan dua peguam itu dijadikan hakim bersama dua pesuruhjaya kehakiman dan bekas Peguam Cara Negara Datuk Heliliah Yusoff. Bagaimanapun, Dr Mahathir menggugurkan nama dua peguam itu Sebaliknya bersetuju melantik dua lagi pesuruhjaya kehakiman daripada satu senarai berasingan yang dikemukakan bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman)

Menjawab soalan Pegawai Pengendali Timbalan Ketua Bahagian I (Polisi) Jabatan Peguam Negara, Datuk Nordin Hassan, Dr Mahathir sekali lagi mengaku tidak ingat alasan mengapa beliau tidak bersetuju dengan pelantikan dua peguam itu.

Bagaimanapun, beliau menegaskan keputusan itu dibuat berdasarkan sebab lain termasuk mengambil kira pandangan pegawai yang lebih mengenali mereka.

Dr Mahathir juga menafikan beliau menghubungi Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (ketika itu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri) memintanya berbilang dengan Tan setiap kali menerima surat pencalonan hakim daripada Mohamed Dzaiddin.

Selain itu, Dr Mahathir juga menafikan Tengku Adnan mempunyai akses kepada maklumat sulit berhubung pelantikan hakim walaupun ketika itu bertanggungjawab terhadap hal ehwal undang-undang di Jabatan Perdana Menteri.

"Dokumen sedemikian bukan saja dilihat oleh saya tapi juga jurutaip, setiausaha dan sesiapa saja yang mungkin ternampak dokumen di pejabat saya. Tetapi secara rasminya, beliau (Tengku Adnan) tidak mempunyai akses kepadanya," katanya